

Usaha bendung rasuah perlu dibuktikan

BH - 20/12/2022 m/d: 11

Oleh Zukifere Ibrahim
bhrencana@bh.com.my

Mengikut rekod Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sehingga November lalu, seramai 319 penjawat awam ditahan kerana salah laku rasuah.

Berdasarkan kajian pelbagai pihak, punca utama penjawat awam terbabit rasuah bukan kerana kesempitan hidup, tetapi akibat desakan rasa ingin hidup mewah didorong memenuhi gaya hidup masa kini. Ada penjawat awam ditangkap kerana kesalahan rasuah memiliki simpanan tunai jutaan ringgit, rumah dan

kereta mewah serta perhiasan berjenama tidak sepadan dengan jawatan sebagai penjawat awam.

Jika dilihat dari segi pendapatan, gaji minimum penjawat awam di Malaysia tidak jauh berbeza dengan negara ASEAN seperti Thailand (RM1,800) dan Indonesia (RM1,480).

Dapatan kajian itu berkait rapat dengan data tangkapan kes rasuah dan penyelewengan menunjukkan individu terbabit bukan setakat kakitangan peringkat bawahan, malah turut membabitkan pegawai kanan sektor awam.

Kita pernah dikejutkan dengan aktiviti rasuah secara kartel tender. Modus operandi kumpulan ini memonopoli kontrak kerajaan dengan cara ber-

komplot pegawai kerajaan. Salah laku ini memberi kesan kepada ketelusan dan keberkesanan sistem pentadbiran perolehan kerajaan. SPRM pernah mendedahkan wujud sindiket dan kartel monopoli antara penjawat awam serta kontraktor bagi menyelewengkan jutaan wang projek kerajaan.

Merebak 'dari bilis hingga ke jerung'

Fenomena ini memberi isyarat rasuah tidak hanya dalam kalangan individu biasa, bahkan turut merebak ke semua peringkat dan kumpulan pegawai kerajaan, 'dari bilis hingga ke jerung'.

Tanpa langkah segera dan drastik, gejala rasuah akan menjadi suatu malapetaka besar untuk rakyat dan negara. Tidak mustahil kemerdekaan negara boleh tergadai kerana aktiviti rasuah.

Kita perlu mengambil iktibar daripada sejarah kekalahan China kepada tentera Jepun pada 1894 dicatatkan sejarahwan disebabkan amalan rasuah dalam kalangan pemimpin tinggi China ketika itu.

Kesungguhan kerajaan tangani 'pandemik rasuah' perlu disambut baik semua pihak. Ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak mengizinkan sebarang kebocoran, ketirisan dan rasuah terus berleluasa perlu disokong. Turut diumumkan kontrak kerajaan juga tidak akan diberi kecuali melalui tender terbuka. Langkah ini akan lebih berkesan jika kerajaan dapat memamatkan isu kartel projek dapat dibendung.

Apa yang diharapkan, peningkatan statistik rasuah dalam kalangan penjawat awam perlu dihentikan daripada terus berulang dengan meningkatkan kesedaran dan penghayatan bahaya rasuah.

Mereka perlu dipupuk perasaan malu jika terpalit dengan rasuah. Penghayatan agama akan menjadi perisai kukuh untuk menghalang daripada termakan pujukan kemewahan dengan memanipulasi amanah dipegang.

Menurut Ibn Khaldun, kuasa diberi kepada setiap manusia akan diuji dengan kecintaan terhadap kemewahan. Hanya keimanan sahaja dapat menjadi benteng kukuh untuk tidak terjerat dengan ujian ini. Bagi Muslim, peringatan Rasulullah SAW yang penerima dan pemberi rasuah akan dihumban ke neraka jadi perlu dijadikan peringatan seumur hidup.

Biarpun hampir satu dasawarsa berlalu, bayangan rasuah di Malaysia belum menunjukkan ada tanda mampu dikawal dan terkawal. Sejak 2014, pelbagai langkah dan inisiatif mengekang gejala rasuah diperkenalkan kerajaan.

Realitinya, kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara amat menyedihkan. Justeru, aspirasi Kerajaan Perpaduan memerangi rasuah diharapkan bukan sekadar retorik politik, namun dirangka dan dijayakan dengan strategi jelas untuk 'membersihkan' negara ini daripada gejala merosakkan ini.



Pendaftar
Universiti Malaysia
Terengganu (UMT)